

Tarikh:.....

Bil. Rujukan: JPA.SULIT.324/17/4/Klt.5

Nama:

Alamat:

Tuan/Puan,

**Pertukaran Perkhidmatan Pegawai Kerja/Penolong
Pegawai Tadbir, Tingkatan Tinggi Ke Dalam
Perkhidmatan Pegawai Eksekutif**

Adalah saya dengan ini menawarkan kepada tuan/puan pertukaran ke dalam perkhidmatan Pegawai Eksekutif, Tingkatan Kanan (B3/B1) menurut syarat-syarat berikut :-

- | 1. Tuan/puan akan diberi gaji dalam perkhidmatan Pegawai Eksekutif, Tingkatan Kanan (B3/B1) di atas tanggagaji B1 dengan mengekalkan gelaran Tingkatan Tinggi secara Khas Untuk Penyandang (KUP). Tarikh kenaikan gaji tuan/puan adalah tidak berubah/berubah sekiranya dua atau lebih matagaji atas susunan tanggagaji sekarang berpindah kepada satu matagaji di atas susunan tanggagaji yang baru*. | Gaji Dan Tarikh
Kenaikan Gaji |
|--|--|
| 2. Tuan/puan akan tertakluk kepada syarat-syarat dan peraturan-peraturan perkhidmatan seperti yang diperuntukkan di dalam Skim Perkhidmatan Pegawai Eksekutif yang berkuatkuasa. Gelaran jawatan jika perlu akan diubahsuaiakan mengikut skim perkhidmatan tersebut. | Penaklukan di
Bawah Syarat-
Syarat Dan
Peraturan-
Peraturan
Perkhidmatan
Baru |

* Potong mana yang tidak sesuai.

- | | |
|--|--|
| 3. Tuan/puan yang tidak memilih untuk menerima pertukaran perkhidmatan akan kekal dalam jawatan masing-masing secara (RUP) sehingga meninggalkan perkhidmatan. | Pegawai Kerja/
Penolong Pegawai
Tadbir Yang Tidak
Memilih Tawaran
Pertukaran
Perkhidmatan |
| 4. Kekananan tuan/puan dalam perkhidmatan Pegawai Eksekutif adalah bermula dari tarikh pertukaran perkhidmatan ini. Susunan kekananan tuan/puan dalam perkhidmatan Pegawai Eksekutif adalah mengikut susunan kekananan dalam perkhidmatan Pegawai Kerja/ Penolong Pegawai Tadbir. | Kekananan |
| 5. Tuan/puan yang dilantik ke dalam perjawatan tetap dan juga telah disahkan dalam perkhidmatan tetapi belum diberi taraf berpencen sebelum ditukar perkhidmatan ke dalam perkhidmatan Pegawai Eksekutif adalah dikehendaki menggenapkan tempoh perkhidmatan selama tidak kurang dari 10 tahun tempoh perkhidmatan yang boleh dimasukkan sebelum layak diberikan taraf berpencen dan adalah dikekalkan membuat caruman ke dalam Kumpulan Wang Simpanan Pekerja sehingga diberikan taraf berpencen. Tempoh perkhidmatan tuan/puan di dalam Skim Perkhidmatan Pegawai Kerja/ Penolong Pegawai Tadbir diambilkira bagi maksud pencen tertakluk kepada peraturan-peraturan yang sedang berkuatkuasa. | Kemasukan ke Dalam
Perkhidmatan
Berpencen |
| 6. Tuan/puan yang telah disahkan dalam perkhidmatan dan diberikan taraf berpencen sebelum ditukarkan perkhidmatan ke dalam perkhidmatan Pegawai Eksekutif adalah dikekalkan taraf berpencen itu. Perkhidmatan yang lepas sebelum pertukaran perkhidmatan ini akan diambilkira bagi maksud pencen sekiranya didapati layak mengikut peraturan-peraturan yang sedang berkuatkuasa. | Perkhidmatan Bagi
Maksud Faedah
Persaraan |

- | | |
|---|--|
| 7. Tuan/puan yang menerima pertukaran ke dalam perkhidmatan Pegawai Eksekutif adalah dikehendaki berkhidmat di mana-mana tempat atau dalam mana-mana Jabatan seperti mana yang diarahkan oleh Ketua Perkhidmatan. | Pertukaran Sewaktu Berkhidmat Dalam Perkhidmatan Pegawai Eksekutif |
| 8. Tuan/puan yang menerima pertukaran perkhidmatan ke dalam perkhidmatan Pegawai Eksekutif adalah tertakluk kepada Peraturan-peraturan Perkhidmatan, Arahan Perbendaharaan, Peraturan Kewangan, pekeliling-pekeliling dan peraturan-peraturan lain yang berkuatkuasa pada masa ini dan yang dipinda atau dikeluarkan dari semasa ke semasa. | Menatuhi Peraturan-Peraturan Dan Lain-lain |
| 9. Tuan/puan yang menerima pertukaran perkhidmatan ke dalam perkhidmatan Pegawai Eksekutif tidak akan dikenakan pemeriksaan perubatan dan lain-lain peraturan perlantikan baru dengan syarat mereka telah menjalani pemeriksaan perubatan dalam perkhidmatan Pegawai Kerja/Penolong Pegawai Tadbir. | Pemeriksaan Perubatan Dikecualikan |
| 10. Tuan/puan akan diberi tempoh selama 30 hari untuk membuat pilihan sendiri mulai dari tarikh surat tawaran ini sama ada untuk bertukar perkhidmatan ke dalam perkhidmatan Pegawai Eksekutif atau kekal dalam perkhidmatan Pegawai Kerja/Penolong Pegawai Tadbir. Jika tuan/puan tidak membuat apa-apa pilihan sendiri setelah tamat tempoh yang ditetapkan adalah dianggap menolak tawaran ini. Pilihan sendiri ini adalah muktamad. Selaras dengan perkara tersebut di atas, tuan/puan adalah dikehendaki mengisi borang pilihan sendiri yang disertakan bersama-sama ini sebelum tamat tempoh yang ditetapkan. | Pilihan Sendiri |
| 11. Ketua Perkhidmatan bagi perkhidmatan Pegawai Eksekutif ialah Ketua Agensi masing-masing. | Ketua Perkhidmatan |

- | | |
|---|---|
| 12. Tuan/puan yang ditukar perkhidmatan ke dalam perkhidmatan Pegawai Eksekutif adalah dengan itu juga putus hubungan dengan perkhidmatan Pegawai Kerja/Penolong Pegawai Tadbir. | Syarat-syarat Lain |
| 13. Pertukaran Perkhidmatan ke dalam perkhidmatan Pegawai Eksekutif ini adalah berkuatkuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik. | Tarikh Kuatkuasa Pertukaran Perkhidmatan |
| 14. Pertimbangan pertukaran perkhidmatan tuan/puan ke dalam perkhidmatan Pegawai Eksekutif adalah berdasarkan maklumat-maklumat yang diberi adalah betul dan tepat. Jika ada maklumat yang telah diberi tidak betul atau tidak tepat akan membatalkan syarat tawaran ini dan tuan/puan kekal dalam perkhidmatan Pegawai Kerja/Penolong Pegawai Tadbir secara KUP. | Pemberian Maklumat Yang Tidak Betul |